

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 30

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Projek Pembinaan Klinik Kesihatan (KK3) Serian, Sarawak akan dimulakan, sedangkan tapak tanah telah pun disediakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Klinik Kesihatan Jenis 3 (KK 3) Serian telah diluluskan oleh Kerajaan untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) pada tahun 2015. Projek ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKRS) secara dua (2) Fasa. Fasa Pertama (1) yang melibatkan Kerja Tanah telah bermula pada 1 Disember 2016 dan siap sepenuhnya pada 20 Julai 2017. Fasa Kedua (2) yang melibatkan Kerja Bangunan pula telah ditender pada 14 September 2019 dengan Surat Setuju Terima (SST) dijangka dikeluarkan pada Disember 2019. Tempoh pembinaan dijangka mengambil masa 24 bulan. Kementerian ini berhasrat agar projek ini disiapkan pada masa, kos dan standard yang telah ditetapkan dan Kementerian bersama JKR Sarawak serta Agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan projek ini disiapkan mengikut tempoh ditetapkan.

Sekian, terima kasih.